



## SOROTAN LITERATUR ADAT DAN KEPERCAYAAN BERBURUNG DALAM KOMUNITI IBAN

### [LITERATURE RIVIEW ON CUSTOMS AND BELIEFS OF *BERBURUNG* IN IBAN COMMUNITY]

TONY MULOK<sup>1\*</sup> & CHEMALINE OSUP<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim Perak, MALAYSIA.

Correspondent Email: chemaline@fbk.upsi.edu.my

---

*Received: 19 June 2021*

*Accepted: 17 July 2021*

*Published: 13 August 2021*

---

**Abstrak:** Adat dan kepercayaan berburung merupakan satu kepercayaan animisme yang wujud dalam masyarakat Iban sebelum kedatangan agama Kristian dan Islam. Dalam kepercayaan berburung masyarakat Iban menggunakan tujuh jenis burung yang dinamai sebagai Ketupung, Beragai, Bejampung, Pangkas, Papau, Embuas dan Nendak. Domain perbincangan dalam makalah ini hanyalah berhubung dengan pemikiran dan pendapat para sarjana mengenai adat dan kepercayaan berburung masyarakat Iban. Pendekatan kajian kualitatif telah digunakan dalam artikel ini bagi membincangkan pemikiran dan pendapat penulisan yang lain mengenai adat dan kepercayaan berburung. Makalah ini menggunakan dua sumber iaitu sumber utama dalam artikel ini melibatkan penulisan-penulisan lepas seperti tesis, jurnal dan buku manakala sumber kedua pula diambil daripada temu bual dengan menggunakan empat responden yang dipilih iaitu Lemambang Clement Bunsu sebagai responden pertama, responden kedua manang Jaie Ikut, responden ketiga iaitu Tuan Gerinang dan responden terakhir iaitu Tambi Jaie. Pemilihan ke empat responden ini bertujuan untuk menyokong sumber sekunder yang ada. Dapatan makalah ini telah menemukan titik permulaan bagi adat dan kepercayaan ini. Kebanyakan para sarjana menjelaskan bahawa adat dan kepercayaan ini dipercayai bermulanya daripada ajaran yang telah diperturunkan oleh Petara kepada orang Iban yang dikenali sebagai Aki Lang Sengalang Burung kepada cucunya yang bernama Sera Gunting.

**Kata kunci:** beburung, komuniti Iban, animisme.

**Abstract:** The custom and belief of berburung is a belief of animism that existed in the Iban community before the advent of Christianity and Islam. In the birding belief, the Iban people use seven types of birds named as Ketupung, Beragai, Bejampung, Pangkas, Papau, Embuas and Nendak. The domain of debate in this paper is only in relation to the thoughts and opinions of scholars in the birding beliefs of the Iban community. A qualitative research approach has been used in this article to discuss the thoughts and opinions of other writers on berburung customs and beliefs. This paper uses two sources, the main source in this article involves past writings such as theses, journals and books while the second source is taken from interviews using four selected respondents, namely Lemambang Clement Bunsu as the first respondent, second respondent Manang Jaie Ikut, the third respondent is Tuan Gerinang and the last respondent is Tambi Jaie. The selection of these four respondents was intended to support the available secondary sources. The findings of this paper have found a starting point for these customs and beliefs. Most scholars explain that these customs and beliefs are believed to have originated from

the teachings that Petara had passed down to the Iban people known as Aki Lang Sengalang Burung to his grandson named Sera Gunting.

**Keywords:** birds, Iban community, animism


**Cite This Article:**

Tony Mulok & Chemaline Osup. 2021. Sorotan literatur adat dan kepercayaan berburung dalam komuniti Iban [Literature rievon on customs and beliefs of berburung in Iban community]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 61-71.

## PENGENALAN

Sarawak adalah salah satu negeri di Malaysia yang terbesar mempunyai 27 buah suku etnik yang bertaburan di serata negeri. Daripada 27 buah suku etnik tersebut, suku etnik Iban adalah populasi yang terbesar sejak Sarawak menjadi salah satu entiti yang membentuk negara Malaysia (Rahim, Nur Latif dan Suhaidi: 2018). Berdasarkan kajian Benedict Sandin (1980) masyarakat Iban yang mendiami Sumatera dan Batang Kapuas, Kalimantan di Indonesia ini pada mulanya berasal dari Timur Tengah. Pernyataan ini menyerupai pandangan yang dijelaskan oleh Awang Azman (2013) yang menyatakan bahawa masyarakat Iban yang tinggal di mana-mana kawasan di Sarawak kini adalah masyarakat Iban yang pernah mendiami kawasan di Indonesia tersebut sebelum berlakunya perpindahan secara berperingkat ke Sarawak dari tahun 1800 hingga 1941.

Terdapat empat peringkat perpindahan masyarakat Iban ke Sarawak mengikut pandangan yang dinyatakan oleh Nalong dan Johnny (2007). Berikut merupakan empat tahap perpindahan dalam komuniti Iban:



Rajah 1: Peringkat perpindahan masyarakat Iban

Sumber: Nalong dan Johnny (2007)

Perpindahan masyarakat Iban ke Sarawak secara besar-besaran didorong oleh pelbagai faktor. Salah satu faktor yang dibincangkan adalah ekilogikal. Faktor ekilogikal menurut Chemaline Osup (2006:6) diketengahkan kerana faktor masyarakat Iban itu sendiri yang percaya bahawa pemilikan tapak huma yang luas dan hasil tuaian yang banyak adalah simbolik keagungan dan kejayaan bagi menunjukkan taraf sosial kehidupan mereka menjadi lebih baik.

Oleh hal yang demikian, masyarakat ini sangat suka berpindah-pindah kawasan untuk didiami demi meneroka tanah-tanah baharu untuk dijadikan sebagai tapak huma.

Pada masa yang sama, proses perpindahan masyarakat Iban ini juga berkait rapat dengan adat dan kepercayaan *berburung* yang mereka anuti. Kepercayaan *berburung* merupakan satu adat yang sangat penting bagi komuniti ini kerana ia mampu membentuk jiwa dan peradaban dalam masyarakat Iban. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Iban berpandangan bahawa adat dan kepercayaan *berburung* ini adalah wadah yang digunakan oleh Tuhan untuk menyampaikan petanda baik mahupun buruk kepada mereka (*Lemambang Clement Bansu*). Dalam erti kata lain, adat dan kepercayaan ini menjadi amalan yang meresapi dalam kehidupan masyarakat Iban yang dapat menghubungkan mereka kepada Tuhan yang mereka sebut sebagai *Petara* (Laura Seman, 2020). Selain memberi petanda baik atau buruk, adat dan kepercayaan *berburung* ini juga digunakan sebagai panduan bagi mereka untuk mengerjakan aktiviti seharian mereka seperti bersawah, memburu, berperang dan sebagainya. Bahkan adat dan kepercayaan *berburung* ini adalah seumpama satu garis panduan yang sangat penting untuk digunakan sebagai rujukan atau petunjuk kepada orang Iban dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan.

Adat dan kepercayaan *berburung* dalam masyarakat Iban adalah satu aspek yang amat besar dimana mereka telah menggunakan haiwan sebagai medium untuk menyampaikan petanda. Hal ini bermaksud masyarakat Iban akan mengamati dan menganalisis tingkah laku dan bunyi-bunyi binatang untuk mengenal pasti petanda yang akan disampaikan kepada mereka. Antara haiwan-haiwan yang sangat dipercayai dalam adat *berburung* ini adalah seperti ulat, kijang, pelanduk, rusa, beruang, katak, labi-labi, burung, babi, buaya, tenggiling, biawak, ular, semut, lalat dan landak (Nalong dan Johnny, 2007). Namun demikian, pengkaji hanya memfokuskan kepada signifikan burung sebagai medium untuk menyampaikan petanda dan simbolik kepada masyarakat Iban.

Masyarakat Iban sangat percaya kepada burung dan ia dianggap sebagai satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana burung ini dapat menentukan nasib dalam kehidupan mereka sama ada melalui penampakan burung tersebut atau pendengaran bunyinya (Chemaline Osup, 2011). Bahkan tingkah laku dan bunyi-bunyi itu diamati sebagai petanda atau amaran daripada *Petara* mengenai peristiwa-peristiwa yang akan berlaku dikemudian hari. Dalam kepercayaan ini, terdapat tujuh jenis burung yang sangat dipercayai serta dituruti oleh orang Iban dan nama-nama burung tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Nama burung dalam bahasa Iban
1	<i>Ketupung</i>
2	<i>Beragai</i>
3	<i>Bejampung</i>
4	<i>Papau</i>
5	<i>Embuas</i>
6	<i>Pangkas</i>
7	<i>Nendak</i>

Rajah 2: Nama tujuh burung pemali (petanda).

Sumber: Nalong & Johnny (2007)

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara umumnya adalah kajian yang menggunakan pendekatan kajian kualitatif untuk mendapatkan data. Bibiana Motey (2016) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif adalah satu bidang kajian sistematik yang digunakan untuk menjelaskan dan menerangkan gaya hidup, adat, kepercayaan, bangsa dan bahasa. Dalam artikel ini turut menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis setiap pendapat dan juga pemikiran para sarjana berdasarkan sumber yang diteliti daripada buku, jurnal, tesis dan seterusnya disokong oleh pernyataan daripada sumber kedua iaitu responden yang telah dipilih dalam artikel ini.

Sumber kedua ini diambil daripada kaedah temu bual yang dijalankan oleh pengkaji untuk menyokong pernyataan yang dijelaskan oleh para sarjana. Terdapat empat responden yang dipilih untuk ditemu bual iaitu responden pertama Lemambang Clement Bunsu, responden kedua iaitu manang Jaie Ikut, responden ketiga iaitu Tuan Gerinang dan responden terakhir iaitu Tambi Jaie. Keempat-empat responden yang dipilih ini berperanan untuk menyokong pernyataan yang telah dikeluarkan dan dijelaskan dalam tesis, jurnal dan juga buku.

## PERBINCANGAN SOROTAN LITERATUR

Menurut Bryman & Bell (2003) sorotan literatur diertikan sebagai satu jenis rujukan sistematik ataupun kritikal mengenai data yang dipilih mengikut tema kajian atau skop kajian. Seterusnya data yang dipilih tersebut perlulah dijelaskan dihuraikan, dianalisis dan diberi rumusan yang lebih mudah difahami maknanya. ini bermakna soroton literatur ini merupakan sumber rujukan yang digunakan oleh pengkaji bagi menghuraikan dan menjelaskan penyelidikannya agar menghasilkan sebuah karya yang bermutu.

Laura Seman (2020:93) dalam artikel yang bertajuk *Imej Arketaip dalam Puisi Sabak* menyatakan bahawa dalam kepercayaan masyarakat Iban, burung memainkan peranan yang amat penting. Nalong dan Johnny (2007) turut menzahirkan pemikiran yang sama dimana ia menjelaskan bahawa burung ini amat penting kepada masyarakat Iban kerana adat dan kepercayaan berburung ini adalah panduan mereka dalam mengerjakan sesuatu aktiviti seperti bercucuk tanam, berhuma, berburu dan sebagainya. Lemambang Clement Bansu turut menjelaskan istilah yang sama iaitu melalui ajaran yang telah diperturunkan oleh mendiang datuk dan bapanya, mereka juga sangat menekankan ajaran ini untuk dijadikan panduan dalam melakukan sebarang aktiviti agar kita dilindungi daripada marabahaya dan dilimpahkan rezeki.

Benedict Sandin (1980) dalam bukunya yang bertajuk *Iban Adat & Augury* menjelaskan cara untuk menggunakan adat ini serta cara untuk mengetahui petanda yang burung bawa kepada mereka. Mengikut pandangan beliau setiap burung yang ada dalam kepercayaan ini sangat membawa makna dalam kehidupan masyarakat Iban. Namun begitu, menurut beliau pembawaan petanda yang baik dan buruk yang dibawa burung ini bergantung kepada bunyi dan arah penerbangan burung ini. Oleh itu Benedict Sandin (1980) menjelaskan burung ini merupakan satu garis panduan yang digunakan oleh Tuhan untuk menentukan nasib dalam masyarakat Iban.

Selain itu Adrian Garcia Montoro (1974) turut menjelaskan bahawa petanda yang baik yang dibawa oleh burung ialah jika ia terbang daripada kiri ke kanan. Hal ini menjelaskan bahawa ini adalah salah satu cara untuk mengetahui petanda yang akan dibawa oleh burung

kepada kita. Menurut Lemambang Clement Bunsu dalam kepercayaan masyarakat Iban terdapat dua cara untuk mengetahui petanda yang akan dibawa oleh burung petanda. Yang pertama iaitu arah penerbangan burung tersebut, dari kiri ke kanan ataupun dari kanan ke kiri manakala cara kedua pula ialah melalui bunyi burung yang diertikan sebagai *sabak* (tangisan burung). Masyarakat Iban juga sangat taat dan mempercayai petanda yang akan dibawa burung ini kepada mereka. Hal yang demikian kerana dalam kepercayaan mereka burung tersebut merupakan utusan daripada *Petara* kepada mereka. Oleh itu, mereka harus akur dengan petanda yang diberikan untuk mengelakkan mereka daripada ditimpa kesialan.

Penulisan Vinson dan Joanne (2001: 1307) turut menzahirkan pendapat yang menyatakan bahawa petanda buruk akan datang jika kita mendengar bunyi *sabak* burung petanda (kecuali nendak) selama tujuh hari berturut-turut. Ini bermakna jika burung-burung ini berbunyi serentak (tidak termasuk burung nendak) selama tujuh hari berturut-turut, maka orang yang mendengar tersebut akan mendapatkan musibah di kemudian hari. Konsep ini menyerupai pernyataan yang dijelaskan oleh Benedict Sandin (1980) yang menyatakan cara kedua untuk mengetahui petanda yang dibawa oleh tujuh burung pemali melalui bunyi.

Saripah Banseng (2016) menyatakan ketika menjalankan aktiviti seharian kaum Iban sangat mementingkan tingkah laku dan tindak balas burung. Orang Iban mementingkan aspek ini kerana burung ataupun binatang yang lain mempunyai kemampuan untuk memberikan amaran, pertunjuk, panduan serta ramalan peristiwa yang mungkin berlaku di kemudian hari. Saripah Banseng (2016) juga menjelaskan adat dan kepercayaan *berburung* ini lazimnya akan digunakan oleh masyarakat ini semasa musim perhumaan. Dalam aktiviti perhumaan masyarakat Iban sangat mementingkan ramalan yang disampaikan oleh burung. Pada zaman dahulu orang Iban sangat mementingkan hasil tuaian yang banyak, kerana bagi mereka ia dapat meningkatkan imej sosial mereka dalam kalangan masyarakat (Chemaline Osup, 2006:4). Oleh itu, semasa hendak memulakan aktiviti menanam benih padi mereka akan mengadakan upacara ritual miring bagi memohon keberkatan daripada *Petara* untuk memperoleh hasil tuaian yang lumayan.

Lemambang Clement Bunsu, menjelaskan bahawa burung yang didengari berbunyi di waktu malam merupakan burung yang sering membawa petanda buruk kepada masyarakat Iban. Contohnya responden 1 menjelaskan bahawa ketika burung Ketupung berbunyi di waktu *ngalih lemai* (petang) ataupun semasa malam hari, ini merupakan burung yang menjelaskan pertanda buruk. Thomas P dan Harisson Jr (1950) dalam kajiannya yang bertajuk *the whistler, bird of omen* menjelaskan bahawa burung yang bersiul (berbunyi) di waktu malam akan membawa kepada petanda sakit. Kedua-dua pendapat ini menjelaskan makna yang sama di mana apabila burung petanda ini berbunyi di waktu petang atau malam ia akan memberi petanda yang buruk kepada masyarakat Iban.

Umumnya Nalong dan Johnny (2007) dalam penulisannya menjelaskan dalam adat dan kepercayaan *berburung* masyarakat Iban terdapat tujuh jenis burung yang paling dipercayai iaitu burung Ketupung, Beragai, Bejampung, Pangkas, Embuas, Papau, dan yang terakhir ialah burung Nendak. Mengikut kefahaman dalam komuniti Iban ketujuh-tujuh burung diberikan gelaran sesuai dengan peranan dan fungsi mereka dalam adat dan kepercayaan ini. Berikut merupakan gelaran ataupun julukan yang diberikan kepada tujuh burung ini menurut *manang* Jaie Ikut (responden 2):

1. Ketupung Bejuluk Sangkuh Agung, Ngentung Beradung Ruang Dada.
2. Beragai Bejuluk Pinggai Besai. Penerima Pala Berambau Dara.
3. Bejampung Bejuluk Bungai Jarau Segupung, Ngeruntungka Perabung Rumah Raya.
4. Pangkas atau Kutuk Bejuluk Beliang Rasuk, Reretuk Nebuk Kerentuk Leka Mata.
5. Embuas Bejuluk Bangkung Deras, Pengelimpas Mua Bala.
6. Papau Bejuluk Sintau Kemarau Hari, Rerendang Mandang Dagang Mengeri China.
7. Nendak Bedada Masak Belakang Burak Ke Bepantak Ngarung Ke Punggung, Nendak Berani Agi Biak Sungkak Papan Ladung.

Seterusnya pengkaji akan membincangkan nama ke tujuh burung ini dalam bahasa Inggeris ataupun nama saintifiknya menurut J. D. Freeman (1961:146). Kelihatannya tidak semua masyarakat Iban yang mengetahui nama asal ke tujuh-tujuh burung ini kerana dalam adat ini mereka hanya mengenali identiti burung ini sebagai Ketupung, Papau, Nendak, Pangkas, Beragai, Embuas dan Bejampung sahaja. Oleh itu disini pengkaji menjelaskan nama-nama burung ini dalam bahasa Inggeris. Berikut merupakan nama ketujuh-tujuh burung yang dipercayai dalam adat dan kepercayaan *berburung* ini:

Bil	Nama burung dalam bahasa Iban	Nama burung dalam bahasa Inggeris.
1	<i>Ketupung</i>	<i>Rufous Piculet</i>
2	<i>Beragai</i>	<i>Scarlet-Rumped Tragon</i>
3	<i>Bejampung</i>	<i>Crested Jay</i>
4	<i>Papau</i>	<i>Diard's Tragon</i>
5	<i>Embuas</i>	<i>Banded Kingfisher</i>
6	<i>Pangkas</i>	<i>Maroon Woodpucker</i>
7	<i>Nendak</i>	<i>White-Rumped Shama</i>

Rajah 3: Nama tujuh burung dalam bahasa Iban dan Inggeris

Sumber: J. D. Freeman (1961:146).

Masyarakat Iban dahulu sangat mempercayai bunyi dan tingkah laku ketujuh-tujuh burung omen kerana menurut mereka burung ini dapat menentukan nasib seseorang yang mendengarnya (Chemaline Osup, 2011). Menurut responden 4 iaitu Tambi Jaie, dalam *ensera* (cerita) masyarakat Iban menjelaskan bahawa adat dan kepercayaan berburung ini digunakan oleh Tuhan untuk menguasai kehidupan manusia. Oleh itu, komuniti ini berpendapat bahawa ketujuh-tujuh burung tersebut merupakan utusan daripada Petara (Tuhan) untuk menyampaikan petanda mengenai peristiwa yang akan berlaku di kemudian hari.

Benjamin Liam dan Chemaline Osup melalui *Unsur Simbolisme dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang* (2020:61) menjelaskan simbol burung lazimnya akan merujuk kepada cerita lagenda mengenai Aki Lang Sengalang Burung. Manang Jaie, Lemambang Clement Bansu, Tambi Jaie dan Tuan Gerinang juga menzahirkan pendapat yang sama iaitu mereka menjelaskan bahawa ajaran dalam adat dan kepercayaan tujuh burung ini bermulanya daripada dewa peperangan komuniti Iban.

Selain itu Benjamin Liam dan Chemaline Osup (2020:61) juga menjelaskan perlambangan yang dibawa oleh empat burung iaitu ketupung, beragai, bejampung dan nendak. Dalam perlambangan tersebut kedua-dua penulis ini menyatakan bahawa bunyi burung merupakan simbol kehormatan. Vinson dan Joanne (2001:1308) juga menjelaskan pemikiran yang sama iaitu ia menyatakan bahawa terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam menentukan perlambangan yang dibawa oleh burung petanda. Salah satunya ialah melalui pendengaran bunyinya. Bunyi burung dalam kepercayaan masyarakat Iban sangat penting kerana bunyi tersebut dipercayai mengandungi pesanan yang diberikan *Petara* kepada mereka (Lemambang Clement Bunsu).

Simbol	Perlambangan
Ketupung	Memiliki pancaindera yang tajam (Penglihatan dan pendengaran)
Beragai	Melambangkan kebahagiaan tuan rumah
Bejampung	Melambangkan tuan rumah Berjaya dalam kehidupan
Nendak	Memberikan keuntungan dalam aktiviti pertanian dan dalam kegiatan mendirikan rumah. Menjemput <i>deity</i> supaya hadir ke gawai pangkung tiang.

Rajah 4: perlambangan empat burung pemali Iban.

Sumber: Benjamin Liam dan Chemaline Osup (2020:61)

Rajah 4 menjelaskan perlambangan yang dibawa oleh empat burung pemali Iban. Menurut Lemambang Clement Bansu perlambangan atau petanda yang dibawa oleh setiap burung dalam kepercayaan masyarakat Iban itu bergantung kepada situasi dan merujuk kepada aktiviti yang sedang dilakukan pada ketika itu. Contohnya ia menjelaskan bahawa Burung Ketupung merupakan *burung bisa* kerana petanda yang dibawa burung ini lazimnya akan tepat seperti ramalannya. Pernyataan ini sama dengan perlambangan yang dijelaskan oleh kedua-dua penulis ini yang menjelaskan bahawa burung ketupung mempunyai pancaindera yang tajam. Oleh itu, burung ketupung ini dinyatakan sebagai ketua kepada ke tujuh-tujuh burung yang ada dan ia merupakan menantu tertua Aki Lang Senagalang Burung (Manang Jaie).

Penulisan oleh Patricia Ganing (2017:24) juga menzahirkan asal usul kepercayaan tujuh burung pemali dan bunyi burung sebagai petanda yang diberikan oleh Tuhan. Penulisan yang bertajuk “Watak Dewi Kumang Dalam Entelah (Teka-Teki) Iban: Interpretasi Makna Kuasa Sakti” menjelaskan petanda yang diberikan oleh Tuhan ini melalui dua cara iaitu mimpi dan bunyi burung. Dalam kepercayaan masyarakat Iban selain bunyi burung terdapat banyak lagi wadah lain yang digunakan oleh Tuhan dalam menyampaikan petanda. Salah satunya dijelaskan disini iaitu mimpi. Patricia Ganing (2017:24) turut menyampaikan pemikiran yang menyatakan mimpi yang baik itu lazimnya akan membawa kepada petanda burung yang baik. Oleh itu, disini kita melihat pelbagai kaedah yang digunakan oleh masyarakat Iban untuk berhubung dengan alam ghaib (Chemaline Osup, 2006:8).

Nalong dan Johnny (2007), menjelaskan Asal usul adat dan kepercayaan *berburung* ini bermula daripada ajaran Aki Lang Sengalang burung kepada cucunya yang bernama Sera Gunting. Menurut *Lemambang* Clement Bunsu, dalam *leka timang* (puisi) Aki Lang Sengalang Burung digelar oleh masyarakat Iban sebagai ketua perang serta ketua dalam ritual gawai burung dalam komuniti ini kerana beliau banyak menyimpan *pengaroh* (azimat). Ini merupakan satu titik awal bagi kewujudan adat dan kepercayaan ini. Cucunya yang bernama Sera Gunting pula merupakan anak perempuan kepada Dara Tinchin Tembaga, Endu Kerebuk Mangkuk China.

Menurut Nalong dan Johnny (2007:82) pada mulanya Sengalang Burung ini tidak mempercayai bahawa Sera Gunting itu cucunya. Namun begitu, Sera Gunting ini berkeras menyatakannya. Oleh itu Sengalang Burung memutuskan untuk memberikan Sera Gunting beberapa ujian untuk membuktikan pernyataan yang dikeluarkan oleh Sera Gunting itu benar. Ujian yang pertama ialah beliau menyuruh cucunya untuk berjalan diatas parang yang tajam, namun begitu kaki cucunya tidak juga terluka. Ujian kedua pula beliau menyuruh cucunya untuk mengutip biji jawa (*setaria italica*) yang ditaburkan di bawah rumah. Namun begitu Sera Gunting berjaya mengutip kembali biji jawa tersebut walaupun ia berukuran yang sangat kecil dan halus. Melihat cucunya melakukan kedua-dua ujian itu dengan mudah maka beliau terus menyuruh cucunya untuk mengisi kembali balang minyak kepayang yang beliau curahkan ke tanah. Kita sama-sama mengetahui bahawa jika minyak tertumpah sangat sukar untuk dikutip semula. Walaupun begitu menurut Nalong dan Johnny (2007) cucunya juga mampu untuk mengisi semula balang minyak tersebut ke kuantiti asal. Ujian terakhir iaitu beliau menyuruh cucunya untuk memanjat pokok tapang untuk mengumpul madu. Ujian ini juga dilaksanakan cucunya dengan mudah. Setelah menyelesaikan ke empat-empat ujian yang diberikan Sera Gunting melihat Sengalang Burung masih tidak dapat mempercayai beliau, maka cucunya terus *bersampi* (berdoa) meminta lebah untuk menyengat Sengalang Burung. Hal ni menyebabkan Sengalang Burung terus mengalah dan mengakui Sera Gunting itu sebagai cucunya.

Setelah mengakui bahawa Sera Gunting itu sebagai cucunya, barulah Sengalang Burung mula mengajar cucunya cara menggunakan adat dan kepercayaan *berburung*. Sera Gunting ini menjelaskan kepada Sengalang Burung bahawa dia hidup di dunia ini penuh dengan kesialan dan tidak mempunyai nasib yang baik kerana apabila dia melakukan sebarang aktiviti dia tidak akan mendapatkan hasil yang banyak (Nalong dan Johnny, 2007:89). Mendengar pernyataan Sera Gunting itu maka Sengalang Burung terus berkata “dalam menjalankan aktiviti seharian masyarakat Iban hendaklah menggunakan burung sebagai panduan dan rujukan kecuali dua aktiviti iaitu membuang air besar dan mengangkat air dari sungai”. Membuang air besar tidak menggunakan burung sebagai panduan kerana ia kita sedang membuang kotoran manakala mengangkat air pula disebabkan air bersifat kekal dan tidak dapat habis (Nalong dan Johnny, 2007:89). Ini merupakan satu titik permulaan yang jelas bagi menjelaskan asal usul adat dan kepercayaan *berburung* dalam komuniti Iban.

Benedict Sandin (1980) turut menjelaskan bahawa burung yang digunakan dalam adat *berburung* ini merupakan menantu kepada Sengalang Burung. Namun begitu hasil data artikel ini menjelaskan bahawa hanya enam sahaja anak Sengalang Burung yang berkahwin dengan burung *pemali* (omen) ini menurut *Lemambang* Clement Bunsu. Dahulu kala masyarakat ini mempercayai bahawa burung ini pada asalnya memiliki rupa manusia sebelum mereka bertukar kepada bentuk burung dan tinggal berjauhan daripada manusia (Tuan Gerinang). Berikut



merupakan nama burung yang berkahwin dengan anak Sengalang Burung menurut responden 1:

1. Burung Ketupung telah berkahwin dengan anak pertama Sengalang burung yang bernama Endu Dara Tinchin Tembaga, Endu Cerebuk Mangkuk China.
2. Burung beragai berkahwin dengan anak kedua yang bernama Endu Langgu Ketunsung Ngembai, Dayang Kumang Bungai Entekai.
3. Bejampung pula berkahwin dengan anak ketiga yang bernama Kechapah Dulang Midung, Kumang Ketupang Bungai Kenunsung.
4. Pangkas berkahwin dengan anak Sengalang Burung yang bernama Endu Bentuk Tinchin Pengabas, Endu Letan Bepulas Mas.
5. Embuas berkahwin dengan anak kelima bernama Endu Kechapang Dulang Mas, Iyak Ketupang Bungai Libas.
6. Dan terakhir iaitu papau berkahwin dengan Endu Mua Puchung Pengabas, Pinggai Besai Nadai Meretas.

Benedict Sandin (1980) menjelaskan burung Nendak masih dikategorikan sebagai burung *pemali* kerana dia tinggal di dalam rumah panjang yang dibina oleh Sengalang Burung yang bernama rumah Panjang Lang. Mengikut data yang diperolehi daripada responden 1, anak Sengalang Burung ini sebanyak lapan orang, tujuh daripadanya ialah perempuan manakala satu lelaki. Anak ketujuh beliau yang bernama Endu Dara Chempaka Tempurung Alang, Puteri Langit Dayang Kumang telah berkahwin dengan Kunding ataupun Burung Malam ke Bejuluk Ipuh Kinying, Ngelabuhka Nyumbuh Siti Menua. Satu-satunya anak lelaki Sengalang Burung yang bernama Aji Berani Ngilah Bulan, Menteri Suka Raja Rengayan juga telah berkahwin dengan perempuan yang bernama Emperaja Dulu Endu Anggu Tali Sentagai, Peransang Tunang Dayang Ketupang Ubung Engkerebai. Anak ketujuh dan kelapan dijelaskan tidak membina *bilek* dalam rumah panjang lang, oleh itu mereka tidak disenaraikan sebagai burung yang paling dipercayai dalam komuniti Iban.

Menurut Tuan Gerinang, banyak kekeliruan yang terjadi dalam amalan ini kerana mereka menjelaskan bahawa ke tujuh- tujuh burung tersebut merupakan menantu kepada Petara perang Iban iaitu Sengalang Burung. Contohnya pernyataan yang dikeluarkan oleh Jeniffer Empiang, Beatrice Anne, Noria Tugang dan Fujica Anggo (2019:33-34) yang menjelaskan bahawa terdapat tujuh burung yang dipercayai dalam amalan berburung ini, diantaranya seperti Ketupung, Beragai, Bejampung, Kelabu Papau, Burung Malam, Embuas dan Pangkas. Namun begitu pernyataan ini sangat bertentangan dengan hasil kajian ini yang jelas menyatakan bahawa dalam kepercayaan tujuh burung petanda hanya enam sahaja anak Sengalang Burung yang berkahwin dengan burung petanda tersebut (responden 1).

Lazimnya masyarakat Iban mengetahui bahawa terdapat tujuh burung yang dipercayai dalam kepercayaan tujuh burung petanda, namun begitu urutan dan nama burung yang sering menjadi kekeliruan bagi mereka untuk menjelaskannya. Contohnya seperti pernyataan yang dijelaskan oleh Jeniffer Empiang, Beatrice Anne, Noria Tugang dan Fujica Anggo (2019:33-34) dimana mereka jelas menyatakan bahawa burung malam dikategorikan sebagai burung petanda dalam amalan tujuh burung ini. Menurut Benedict Sandin (1980:96) Burung Malam yang dikenali sebagai Kunding Burung Malam telah berkahwin dengan anak Sengalang Burung

yang ke tujuh. Namun begitu ia tidak termasuk dalam tujuh burung petanda ini kerana dia dan isterinya tidak mendiami rumah Panjang Lang.

## KESIMPULAN

Rumusan dalam makalah ini ialah pemikiran masyarakat Iban menjelaskan bahawa adat dan kepercayaan berburung ini digunakan oleh mereka untuk melakukan aktiviti seharian mereka seperti berhuma, memburu, berperang dan sebagainya. Selain itu, menurut pandangan masyarakat Iban ketujuh-tujuh burung ini merupakan jelmaan manusia sebelum mereka bertukar kepada bentuk burung. Oleh itu, masyarakat ini sangat mempercayai amalan kepercayaan ini kerana burung ini merupakan satu wadah mereka untuk berhubung dengan Petara.

Di samping melihat pandangan dari setiap pengkaji, artikel ini juga mencuba untuk mengisi kelompangan yang terdapat dalam kajian yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan tujuh burung petanda ini. Analisis utama dalam sorotan literatur ini ialah bagi memperlihatkan pandangan masyarakat Iban mengenai adat dan kepercayaan tujuh burung petanda ini. Melalui beberapa pandangan yang diutarakan melalui tesis, jurnal serta buku terdapat beberapa perbezaan ketara yang dapat mengelirukan masyarakat Iban untuk memahami kepercayaan ini. Diantaranya ialah seperti pendapat dalam menjelaskan nama serta entiti tujuh burung ini yang dijelaskan oleh Jeniffer Empiang, Beatrice Anne, Noria Tugang dan Fujica Anggo (2019:33-34).

Pengkaji juga berharap dengan adanya makalah ini, ia dapat membantu masyarakat Iban dalam memahami adat dan kepercayaan *berburung* ini. Selain berfungsi daripada untuk mengelakkan diri daripada ditimpa kesialan kajian ini juga digunakan untuk terus mengekalkan adat ini agar ia tidak hilang dan pupus mengikut peredaran zaman.

Selain itu makalah ini juga dapat memberi impak yang positif kepada sekolah-sekolah di Sarawak, khususnya kepada subjek bahasa Iban. Hal yang demikian kerana kajian ini dapat menambahkan topik pengajaran di sekolah. Dengan ini pengkaji berharap penyelidikan ini menjadi sebuah topik pengajaran yang berguna untuk dijadikan satu bahan untuk mengajar di kelas bahasa Iban.

Seterusnya pengkaji menyeru agar kementerian, agensi, sekolah dan sebagainya yang terdapat di Sarawak untuk sama berganding bahu untuk mengadakan seminar, atau bengkel yang berkaitan dengan kebudayaan Iban. Masyarakat Iban merupakan satu komuniti yang banyak mengamalkan kepercayaan tradisi. Oleh itu, ia harus dijaga dan dipertahankan untuk memperlihatkan keunikan yang ada pada komuniti ini.

## RUJUKAN

- Adrian Garcia. (1974). *Good Or Bad Fortune On Entering Burgos? A Note On Bird-Omens In The Cantar De Mio Cid*. The Johns Hopkins University Press.
- Awang Azman. (2013). *Weltanschauung dan Menifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak*. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu 6. 2: 139-154.
- Benedict Sandin. (1980). *Iban Adat and Augury*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Benedict Sandin. (1977). *Gawai Burong The Chants And Celebration Of Iban Bird Festival*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Benjamin Liam dan Chemaline Osup. (2020). *Unsur Symbolisme Dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11(2), 55-69.
- Bell Su'ut. (2013). *Estetika Bakad Masyarakat Lun Bawang Lawas, Sarawak Satu Kelangsungan Pendidikan Informal*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bibiana Motey. (2016). *Ritual Miring dalam masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Chemaline Osup. (2006). *Leka Main: Puisi Rakyat Iban – Satu Analisis Bentuk dan Fungsi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Chemaline Osup. (2011). *Waris Daya Idup Iban*. Bintulu: Pegari Iban Production.
- Freeman, J.D.(1960). *'Iban Augury' In The Birds of Borneo*. Edinburgh: Oliver & Boyd
- Jeniffer Empiang, Beatrice Anne, Noria Tugang dan Fujica Anggo. (2019). *Tradisi Lisan Timang Gawai Kelingkang Nanga Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak: Satu Penelitian Awal*. Jurnal Dunia Pengurusan, 1(3), 30-35.
- Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia*. (1981). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laura Seman. (2020). *Imej Arketaip Dalam Puisi Sabak*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature (88-97).
- Nalong dan Johnny. (2007). *Gerempung cerita tuai bansa Iban*. Bintulu, Sarawak: Pegari Iban Production.
- Patricia Ganing. (2017). *Watak Dewi Kumang Dalam Entelah (Teka-Teki) Iban: Interpretasi Makna Kuasa Sakti*. Jurnal Gendang Alam (GA).
- Saripah Banseng. (2016). *Analisis Metafora Dalam Sampi Iban*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Vinson dan Joanne Sutlive. (2001). *The encyclopaedia of Iban studies*. Kuching, Sarawak: Tun Jugah Foundation & The Borneo Research Council.